

Love Scam: Warga emas rugi RM5.29j

KUALA LUMPUR - Seorang wanita yang merupakan pengarah syarikat di Ipoh, Perak kerugian RM5.29 juta setelah ditipu seorang lelaki warganegara Amerika Syarikat menerusi laman sosial Online Dating.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azmi Abu Kassim berkata, mangsa penipuan *Love Scam* berusia 64 tahun itu telah membuat laporan polis pada Khamis.

“Suspek memperkenalkan diri sebagai pekerja paramedik di Hospital California memperdayakan mangsa dengan menyatakan beliau (lelaki itu) menerima kontrak besar pembekalan peralatan perubatan bernilai AS\$22 juta dan perlukan dana modal permulaan serta berjanji ingin me-

ngahwini mangsa,” katanya pada Khamis.

Terpedaya dengan janji tersebut, Azmi berkata, mangsa telah melakukan 120 transaksi pindahan wang ke dalam 14 akaun bank yang diberikan suspek secara berperingkat antara Januari hingga Jun 2022 berjumlah keseluruhan RM5.29 juta.

“Mangsa menggunakan kesemua wang simpanan dan membuat pinjaman dengan Pemberi Pinjam Wang Berlesen. Semakan awal mendapati akaun bank yang terlibat (akaun lelaki itu) juga mempunyai rekod beberapa kes penipuan menggunakan modus operandi sama,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu. - *Bernama*